Menurutnya, usaha ini penting bagi menambah baik aspek mudah menjalankan perniagaan dalam merangsang pertumbuhan ekonomi negara, sekali gus meningkatkan daya saing Malaysia di peringkat global.

Beliau berkata, kementerian yang diterajui juga menyambut baik saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai isu kelewatan pelaksanaan projek dan kerenah pentadbiran

yang telah wujud sejak era 1980-an tidak sepatutnya berulang.

"Kerajaan Madani di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim komited untuk memperkukuh pertumbuhan ekonomi negara. Bagi mencapai matlamat ini, kita perlu memastikan perkhidmatan awam yang berkualiti khususnya dari segi proses kelulusan dan pelaksanaan supaya meningkatkan kualiti hidup rakyat dan mewujudkan persekitaran yang mesra pelabur.

"Kini Malaysia telah menjadi negara yang pesat membangun di dunia ini dengan pelonjakan 11 anak tangga dari tangga ke-34 ke tangga ke-23 dalam World Competitiveness Ranking.

"Maka seluruh negara perlu bersatu padu untuk mengorak langkah demi mencipta kemilauan baharu. Semua PBT perlu bergerak dengan cepat kerana masa itu emas," ujarnya.

SINAR HARIAN

Tarikh:2.6..JUN.2025.....

Malaysia tawar kepakaran bantu Kyrgyz

Kedua-dua negara setuju tingkat kerjasama bangunkan sistem perbankan Islam, sektor halal

PUTRAJAYA

Malaysia dan Republik Kyrgyz bersetuju untuk bekerjasama membangunkan sistem perbankan Islam serta memperkukuh perdagangan produk halal, dengan Malaysia menawarkan kepakarannya dalam kedua-dua sektor bagi membantu pembangunan kemudahan dan perkhidmatan berkaitan di republik berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, dalam pertemuannya dengan Presiden Sadyr Zhaparov, kedua-dua pemimpin membincangkan penubuhan bank Islam bagi mewujudkan sistem kewangan yang lebih baik.

"Sudah tentu kami mem-

bincangkan isu perbankan Islam, halal, pembinaan, penyusunan kewangan dan pelaksanaan program termasuk penubuhan bank Islam.

"Akan ada pertemuan susulan melibatkan menteri-menteri kita. Anda (Zhaparov) membawa barisan menteri penting ke Malaysia dan rakan-rakan menteri saya pasti akan memberi maklum balas, bukan sahaja untuk memperkukuh persefahaman dan persahabatan, tetapi juga memastikan program dan projek dua hala dalam aspek perdagangan dan pelaburan dapat diteruskan," katanya.

Anwar berkata demikian pada sidang media bersama Zhaparov di Kompleks Seri Perdana di sini pada Rabu.

Sebagai sebahagian daripada kerjasama dua hala, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia dan Republik Kyrgyz turut bersetuju meneroka pelan tindakan kerjasama halal yang dicadangkan Zhaparov.

"Semua ini akan terus diterokai... dan tentunya anda (Republik Kyrgyz) mempunyai kapasiti besar dalam tenaga hidro, tenaga hijau dan tenaga boleh diperbaharui, yang pastinya menarik minat Malaysia untuk

fahami, kaji dan memanfaatkan," katanya.


Republik Kyrgyz mempunyai potensi besar dalam tenaga hidro yang merupakan sumber utama penjanaan elektrik negara itu, merangkumi hampir 90 peratus daripada jumlah pengeluarannya.

Perdana Menteri turut memaklumkan bahawa Malaysia dan Republik Kyrgyz bersetuju untuk memperkukuh kerjasama dalam bidang pendidikan dan penyelidikan dengan menekankan kepentingannya dalam mempererat hubungan antara rakyat serta memperluas potensi sosial dan ekonomi kedua-dua negara.

Sehubungan itu, Anwar berkata, Malaysia akan menyalurkan bantuan teknikal dan pendidikan kepada rakyat Kyrgyz menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

Dalam pada itu, Zhaparov berkata, Republik Kyrgyz komited untuk memperkukuh kerjasama menyeluruh dengan Malaysia dan memajukan lagi perkongsian kedua-dua negara ke tahap seterusnya.

Beliau berkata, hubungan dua hala antara Republik Kyrgyz dan Malaysia kini berada pada tahap tertinggi yang diperkukuh lagi dengan lawatan Anwar ke



Anwar (kanan) ketika mengadakan pertemuan dua hala bersama Zhaparov di Perdana Putra pada Rabu.

Bishkek pada Mei 2024.

"Pertemuan kami telah mencapai rundingan yang berkesan, mengeratkan lagi persahabatan serta membuka jalan kepada pelaksanaan projek yang saling menguntungkan kedua-dua negara," katanya.

Terdahulu, Zhaparov yang se-

dang dalam lawatan rasmi dua hari ke Malaysia diberikan sambutan rasmi di Kompleks Perdana Putra di sini pada Rabu.

Ini merupakan lawatan pertama Presiden Zhaparov ke Malaysia sejak memegang jawatan berkenaan pada Januari 2021.

- Bernama

SINAR HARIAN
26 JUN 2025

Tarikh:

RM11 juta diguna dalam bentuk wang digital

SPRM siasat kaedah wang itu dikeluarkan, bentuk perbelanjaan yang dilakukan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI dan HISYAMUDDIN AYUB
PUTRAJAYA 5H
26/6



FOTO: ROSLI TALIB

Azam (tiga dari kanan) ketika sidang akhbar di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya pada Rabu.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan penggunaan wang RM11 juta dalam bentuk mata wang digital disyaki hasil daripada wang dana sukuk bagi projek pembinaan lebuh raya di Lembah Klang.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, dalam kes ini seramai 55 saksi telah dirakam keterangan dan sembilan tangkapan telah dilaksanakan.

Menurutnya, SPRM juga telah membekukan 14 akaun individu dan lapan syarikat berjumlah RM156 juta untuk tindakan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFPUAA) 2001.

"Kita telah kesan penggunaan wang RM11 juta iaitu wang hasil daripada sukuk yang diberikan dan wang ini digunakan dalam bentuk mata wang digital yang telah dibelanjakan ke sesuatu perbelanjaan.

"SPRM kena siasat perkara ini kerana penggunaannya (wang digital) bukan untuk projek lebuh raya

terbabit, namun setakat ini belum lagi dapat sahkan untuk pembelian apa.

"Kita sedang kesan bagaimana wang ini telah dikeluarkan dan digunakan untuk penggunaan RM11 juta ini," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat SPRM di sini pada Rabu.

Beliau berkata, pihaknya akan memanggil kira-kira 10 saksi lain dan hasil siasatan dijangka selesai dalam tempoh dua bulan ini.

Mengulas sama ada SPRM akan merakam semula keterangan pemegang konsesi bergelar Tan Sri itu, Azam berkata, setakat ini tiada keperluan selepas pegawai penyiasat berpuas hati dengan perkara tersebut.

"Apa yang penting di sini ialah keterangan lain untuk membantu siasatan.

"Pegawai penyiasat sedang siapkan fail siasatan dengan mengambil

percakapan daripada pihak bank, dan analisa kewangan yang diperolehi.

"Saya beri masa kepada pegawai saya maksimum untuk siapkan dua bulan sahaja," ujarinya.

Sebelum ini, SPRM telah merekod keterangan seorang individu bergelar Tan Sri sebanyak tiga kali di kediamannya di Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur pada 11, 12 dan 19 Jun lalu.

Sebelum ini, SPRM mengesahkan penyitaan aset dalam negara bernilai RM141 juta dan sedang mengesan aset di luar negara berjumlah RM15 juta yang turut dikaitkan dengan siasatan ini.

Antara sitaan melibatkan akaun individu RM4.5 juta, akaun syarikat RM33 juta, kondominium dan tanah RM24.5 juta, sembilan kenderaan mewah RM7.65 juta, jam tangan mewah RM26 juta serta barangan emas dan berlian bernilai RM10 juta.

SINAR HARIAN
26 JUN 2025

Tarikh:

Rasuah kontrak: Pengarah JKR negeri dituduh hari ini

PUTRAJAYA - Seorang pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) sebuah negeri yang dipercayai terlibat kes rasuah membabitkan kontrak bernilai ratusan ribu ringgit akan dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Khamis.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, pengarah dan beberapa pegawainya disyaki menerima wang rasuah daripada kontraktor berhubung dengan projek selenggaraan.

"Kes ini telah selesai dijalankan oleh Bahagian Operasi Khas SPRM.

"Kita jangka esok (Khamis) akan tuduh pengarah tersebut di mahkamah di Jalan Duta (Kuala Lumpur) mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan dengan lima pertuduhan," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya di sini pada Rabu.

Menurut Ahmad Khusairi, akaun yang disita membabitkan kes tersebut ialah RM6.13 juta melibatkan 79 akaun individu dan 16 akaun syarikat.

"Rampasan aset turut dibuat termasuk kenderaan dan wang tunai," ujarnya.

Mei lalu, media melaporkan dua penjawat awam termasuk berjawatan pengarah dan bergelar Datuk antara enam ditahan SPRM susulan kes rasuah membabitkan kontrak bernilai ratusan ribu ringgit.

Lelaki bergelar Datuk itu bersama seorang lagi penjawat awam iaitu jurutera di sebuah jabatan kerajaan di ibu negara adalah suspek utama kes membabitkan tawaran kerja kontrak pembangunan dan senggaraan sejak 2021.

Siasatan awal mendapati kedua-dua suspek utama menerima kira-kira RM115,000 daripada orang tengah dalam bentuk wang tunai, pembiayaan ubah suai rumah dan pemberian telefon bimbit.

Menerusi Op Kepala dijalankan Bahagian Operasi Khas SPRM di 10 premis sekitar Lembah Klang dan Johor semalam, SPRM menyita dua unit kenderaan jenis Toyota Hilux, wang tunai kira-kira RM165,000 selain membekukan 95 akaun perbankan terdiri akaun individu dan syarikat membabitkan jumlah kira-kira RM6 juta.

SINAR HARIAN

Tarikh:2.6..JUN.2025.....

17 syarikat bas ekspres ada lebih 200 saman

KOSMO
26/6



ANTHONY

DARI MUKA 1

Katanya, antara syarikat bas ekspres lain termasuk New Hoover Express & Travel Sdn. Bhd. (512), Kuala Lumpur-Alor Star Express Sdn. Bhd. (477), Express Senibudaya (M) Sdn. Bhd. (390), Suasana Edaran Sdn. Bhd. (370), Kurnia Bistari Sdn. Bhd. (351) dan Bandar Express Services Sdn. Bhd. (300).

Ujarnya, Zenwan (M) Sdn. Bhd. pula mencatat 300 saman, Gunung Raya Ekspres Sdn. Bhd. (288), Konsortium Bas Ekspres Semenanjung (M) Sdn. Bhd. (272), GJG Travel & Tours Sdn. Bhd. (265), Sri Theven Travel Sdn. Bhd. (232), Dyana Express Sdn. Bhd. (230), Goldstar Express (M) Sdn. Bhd. (218), Plusliner Sdn. Bhd. (208), Kuala Yakin Sdn. Bhd. (206) dan Cosmic Angle Travel and Tours Sdn. Bhd. (203).

"JPJ mengenal pasti antara kesalahan utama yang dilakukan adalah memandu lebih had laju, kesalahan lalu lintas (memandu lorong kanan berterusan, memotong barisan dan menggunakan telefon bimbit), kesalahan teknikal, tiada lesen memandu dan tiada lesen kenderaan motor (LKM) atau insurans," katanya

pada sidang akhbar di sini semalam.

Selain itu, Anthony turut mengumumkan, 28 syarikat pengendali kenderaan barangan mencatatkan jumlah saman tertinggi atas pelbagai kesalahan.

Kata beliau, MOT dan JPJ mengenali pasti sebanyak 11 syarikat pengendali kenderaan barangan mempunyai lebih 1,000 saman tertunggak.

Saman tertunggak itu ujarnya, merangkumi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334) dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715).

"Pengumuman ini merupakan sebahagian usaha berterusan MOT dan JPJ bagi meningkatkan tahap pematuhan undang-undang jalan raya serta langkah untuk menjamin keselamatan pengguna jalan raya," katanya.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh MOT, syarikat pengendali kenderaan barangan, KDEB Waste Management Sdn. Bhd. mencatatkan saman aktif tertinggi berjumlah 22,017 diikuti Mainiza Mantap Sdn. Bhd. (5,108), Advancecon Machinery

Sdn. Bhd. (3,620), VK Transport Sdn. Bhd. (3,016) dan Ng Swee Aik Trading Sdn. Bhd. (2,352).

Selain itu, syarikat pengendali lain termasuk Boon Chin Transport Sdn. Bhd. (2,339), Nation Dimensions Sdn. Bhd. (2,226), Syarikat Ehsan Enterprise Sdn. Bhd. (2,168), Nek Gurun Logistics Sdn. Bhd. (1,062), Macro Dimension Concrete Sdn. Bhd. (1,014) dan SL Transport & Trading Sdn. Bhd. (1,006).

Katanya, kesemua syarikat terbabit diberi tempoh selama 14 hari dari tarikh pengumuman itu dibuat bagi menyelesaikan semua saman tertunggak di pejabat JPJ negeri dan cawangan.

"Kegagalan pihak syarikat berbuat demikian akan disusuli dengan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas termasuk kenderaan tersebut disenarai hitam secara serta-merta.

"MOT dan JPJ juga mengingatkan kepada semua syarikat pengendali kenderaan untuk menyemak dan menyelesaikan saman tertunggak mereka.

"Kita juga tidak akan bertolak ansur terhadap mana-mana pihak yang gagal mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan," katanya.

KOSMO

26 JUN 2025

Tarikh:

Kukuh kerjasama Malaysia-Kyrgyz

- Kedua-dua negara setuju kerjasama untuk bangunkan perbankan Islam
- Turut perkukuh perdagangan produk halal

KOSMO
26/6

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA - Malaysia dan Republik Kyrgyz bersetuju untuk bekerjasama dalam membangunkan perbankan Islam serta memperkukuh perdagangan produk halal dengan menawarkan kepakaran dalam kedua-dua sektor bagi membantu membangunkan kemudahan dan perkhidmatan berkaitan di negara itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, dalam pertemuan dengan Presiden Sadyr Zhaparov, mereka membincangkan penubuhan bank Islam bagi mewujudkan sistem

kewangan yang lebih kukuh.

"Sudah tentu kami membincangkan isu perbankan Islam, halal, pembinaan, penyusunan kewangan dan program termasuk penubuhan bank-bank Islam.

"Akan ada pertemuan susulan antara para menteri kami. Presiden Zhaparov membawa menteri-menteri utama ke Malaysia dan rakan-rakan saya pasti akan memberikan maklum balas.

"Ia bukan sahaja untuk memperkukuh kefahaman dan persahabatan, tetapi juga untuk memastikan program serta projek dua hala dari segi pelaburan dan perdagangan dapat diteruskan," katanya.

Anwar berkata demikian pada sidang akhbar bersama Zhaparov di Kompleks Seri Perdana, di sini semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia dan Kyrgyz turut bersetuju untuk meneroka Pelan Tindakan Kerjasama Halal yang dicadangkan oleh Presiden Zhaparov.


"Semua ini akan diteroka lebih

lanjut dan sudah tentu, anda (Republik Kyrgyz) mempunyai kapasiti besar dalam tenaga hidro, tenaga hijau dan tenaga boleh diperbaharui yang sangat menarik untuk Malaysia kaji, fahami dan memanfaatkan," katanya.

Republik Kyrgyz memiliki potensi besar dalam tenaga hidro yang merupakan sumber utama tenaga elektrik di negara itu merangkumi hampir 90 peratus daripada pengeluaran elektrik nasional.

Perdana Menteri turut memaklumkan, Malaysia dan Kyrgyz bersetuju untuk memperkukuh kerjasama dalam bidang pendidikan dan penyelidikan dengan penekanan kepada usaha mempererat hubungan rakyat dengan rakyat di samping memperluaskan potensi sosial dan ekonomi kedua-dua negara.

Sehubungan itu, Anwar berkata, Malaysia akan menyalurkan bantuan teknikal dan pendidikan melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) kepada rakyat Republik Kyrgyz.



ANWAR (kanan) bersama Zhaparov ketika sidang akhbar dan Majlis MoU antara Malaysia dan Kyrgyz di di Putrajaya semalam.

KOSMO

26 JUN 2025

Tarikh:

DIJUAL BERLELUASA TANPA HAD DALAM MEDIA SOSIAL

Vape perisa dadah sintetik

Oleh Skuad Khas Harian Metro

am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kegiatan menjual cecair rokok elektronik atau vape berperisa dadah sintetik yang kononnya mampu memberi kenikmatan berganda dalam kalangan penghisap bahan itu dikesan dijual secara meluas dan berleluasa hanya dalam media sosial.

Dikenali sebagai *magic mushroom*, penggemar dadah sanggup menghabiskan wang mendapatkan bahan itu pada harga tinggi dalam pasaran gelap di internet.

Walaupun sebelum ini banyak digunakan penagih dadah tetapi kini pelajar sekolah turut dikesan mengambil bahan itu bagi melepas gila.

Perlu diingat, bahan cecair dadah itu tidak dijual secara terbuka seperti di kedai atau premis menjual peranti dan perisa vape biasa sebaliknya hanya dipromosikan serta dijual dalam media sosial.

Kedai atau premis menjual peranti dan perisa vape tidak menjual bahan berkenaan kerana ia dikawal selia pihak berkuasa.

Penjual haram dalam talian ini sering menggunakan ayat 'urin lepas' yang bermaksud pengambilan dadah sintetik itu menggunakan peranti dan perisa vape tidak akan meninggalkan kesan dalam air kencing sekiranya menjalani ujian urin.

Walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah menyuarakan kegusaran mengenai isu itu, dapatan Harian Metro mendapati cecair dan peranti vape itu masih dijual secara berleluasa dalam talian tanpa sebarang kawalan kepada pembeli termasuk remaja bawah umur.

Langkah menutup kedai atau premis menjual peranti dan perisa vape bukan tin-

dakan terbaik kerana peranti atau perisa vape yang dijual mereka langsung tidak mengandungi sebarang dadah sintetik atau sebarang bahan terlarang.

Bagi membuktikan dakwaan vape berperisa dadah sintetik ini wujud, wartawan membuat tinjauan di WhatsApp dan Facebook dan hasilnya, terdapat sekurang-kurangnya 10 laman menjual dan mempromosikan jenama cecair vape itu serta dijual pada harga RM200 untuk lima militer hingga mencapai RM14,000 untuk satu liter.

Ada penjual menawarkan harga lebih murah untuk botol kecil pada harga RM50 hingga RM100 dan pesanan dihantar melalui kurier.

Memburukkan senario, pada masa ini dikatakan berlakunya trend segelintir pengguna vape mencampurkan perisa *magic mushrooms* mengandungi dadah sintetik yang berbahaya hingga boleh menyebabkan gejala keracunan teruk dan berpotensi membawa maut.

Perisa *mushroom* berasal daripada spesies cendawan dalam genus *Psilocybe* yang mengandungi bahan aktif utama *psilocybin* iaitu sejenis halusinogen yang sangat kuat.

Pengambilan bahan ini me-

nyebabkan pengguna berhalusinasi, berasa seronok yang melampau dan tidak sedarkan diri sepenuhnya.

Malah dikatakan pengguna yang menyedut perisa *mushroom* ini akan merasakan seolah-olah seperti berada dalam dunia khayalan dengan kesan itu dikatakan boleh berubah-ubah kerana pengaruh faktor persekitaran.

Apa yang menimbulkan kegusaran kerana jualan pelbagai jenis cecair vape secara terbuka, malah siap memamerkan harga dan nombor untuk dihubungi.

Malah, ada juga kumpulan

sebang WhatsApp yang dikongsi secara terbuka dalam platform sosial itu, dijadikan sebagai 'pasar gelap digital' untuk mempromosikan pelbagai jenis cecair perisa vape, tanpa label rasmi dan dipercayai tidak berdaftar.

Antara bentuk penjualan yang dikesan termasuk siaran langsung menunjukkan rak vape, paparan katalog cecair dengan nama perisa pelik seperti 'Mango Gila', 'Salji Grape' dan 'Dew Asap', serta promosi harga borong.


Tinjauan juga mendapati ada peniaga menjual terus kepada pembeli menerusi

sistem tempahan mesej dan penghantaran menggunakan khidmat e-hailing atau kurier, sekali gus menunjukkan aktiviti ini berlaku secara tersusun.

Sebahagian siaran turut disertakan dengan komen daripada akaun remaja yang dipercayai masih bersekolah, menimbulkan persoalan mengenai tahap penguatkuasaan dan kawalan usia pengguna.

Langkah terbaik kerajaan adalah menyekat laman web yang menjual dadah sintetik ini dan ia perlu dilakukan segera.

BAHAN cecair dadah itu tidak dijual secara terbuka seperti di kedai atau premis menjual peranti dan perisa vape biasa sebaliknya hanya dipromosikan serta dijual dalam media sosial.



ANTARA cecair vape berperisa dadah yang dirampas pihak berkuasa.

“Pengguna akan rasa seolah-olah seperti berada dalam dunia khayalan”



HARIAN METRO
Tarikh: 26 JUN 2025....

BNPL tak terkawal 'jerat kewangan'

Kuala Lumpur: Kemudahan beli sekarang, bayar kemudian (BNPL) yang menjadi kegilaan kini berisiko menjadi 'jerat kewangan' jika tidak dikawal dan difahami secara mendalam.

Pakar ekonomi, Profesor Emeritus Dr Barjoi Bardai berkata, skim BNPL memenuhi keinginan pengguna untuk memiliki barangan serta-merta, namun realitinya ramai yang membuat keputusan berdasarkan anggaran pendapatan.

Ramai berbelanja mengikut gaya hidup kelas menengah, sedangkan pendapatan dan simpanan mereka sangat terhad.

"Apa yang mereka ada hanya harapan terhadap gaji pada masa akan datang tanpa mengambil kira kemungkinan hilang kerja atau gaji yang tertangguh.

"Mereka tidak sedar, bila dicampur komitmen semua ansuran kecil ini, jumlahnya boleh jadi beban kewangan yang berat setiap bulan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau yang juga Dekan

Pusat Pengajian Siswazah, Malaysia University of Science and Technology (MUST) berkata, peminjam kerap terlepas pandang bahawa pembelian secara ansuran tanpa pemantauan boleh menyebabkan mereka terikat dengan hutang jangka panjang, tambahan pula pelajar dan graduan yang masih berhutang dengan pinjaman pendidikan.

Katanya, kebanyakan platform e-dagang yang menawarkan BNPL di negara ini tidak membuat semakan kredit ketat menyebabkan sesiapa sahaja boleh mendaftar dan membeli tanpa mengira kemampuan kewangan sebenar.

"Ini puncanya ramai terperangkap. Belum ada gaji tetap, tetapi guna BNPL memenuhi gaya hidup tanpa memikirkan beban kewangan yang ditanggung kelak.

"Sistem ini secara tidak langsung menggalakkan pembelian impulsif tanpa disiplin kewangan. Lama-lama, pengguna 'sesak nafas' untuk bayar komitmen bulanan," katanya.

HARIAN METRO
26 JUN 2025
Tarikh:

Putrajaya: Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Kesihatan (KKM) menubuhkan Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri untuk Kos Penjagaan Kesihatan Swasta (JBMKKS) dalam usaha meneruskan pembabitkan pelbagai pihak berkepentingan, bagi menangani peningkatan kos penjagaan kesihatan swasta dan inflasi perubatan.

Jawatankuasa yang mengadakan mesyuarat pertamanya semalam, akan menyelaras pendekatan menyeluruh untuk merangka dan melaksanakan langkah-langkah secara kolaboratif yang sejajar dengan penjagaan kesihatan berasaskan nilai.

Dipengerusikan bersama oleh Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, JBMKKS

Jawatankuasa tangani kos penjagaan kesihatan swasta

Hm 3-6/6

mempunyai keanggotaan terdiri daripada wakil MOF, KKM dan Bank Negara Malaysia (BNM).

Jawatankuasa ini akan disokong oleh Majlis Perundingan bagi memberikan input dan nasihat teknikal, yang dianggotai oleh wakil utama dalam ekosistem penjagaan kesihatan swasta, termasuk hospital swasta, penyedia insurans dan pengendali takaful.

"Peningkatan kos penjagaan kesihatan kebimbangan utama rakyat Malaysia dan Kerajaan MADANI mengambil langkah proaktif menanganinya.

"Jawatankuasa bersama ini mencerminkan komitmen kami bekerjasama dengan semua pihak berke-

pentingan dalam membentuk sistem penjagaan kesihatan swasta yang mampan, telus dan benar-benar memberi nilai. Pada dasarnya, ini adalah mengenai melindungi kesejahteraan rakyat Malaysia dan mengukuhkan daya tahan negara kita," katanya dalam satu kenyataan bersama kedua-dua kementerian itu semalam.

Beliau berkata, JBMKKS dibina atas usaha dijalankan sebelum ini, termasuk pelaksanaan keperluan pembayaran bersama oleh BNM, langkah interim bagi mengurangkan impak pelarasan premium perubatan kepada pemegang polisi terkesan pada tahun lalu hingga tahun depan ser-

ta kerangka RESET.

Kerangka itu merangkumi lima teras strategik untuk menangani inflasi perubatan iaitu menyusun semula Insurans/Takaful Perubatan dan Kesihatan (MHIT), meningkatkan ketelusan harga, memperkuat ekosistem Kesihatan Digital, mengembangkan pilihan penjagaan kos efektif dan menyusun semula pembayaran penyedia perkhidmatan kesihatan.

RESET mendapat sokongan yang meluas daripada MOF, KKM, BNM dan pihak industri yang utama sebagai kerangka strategik untuk menangani peningkatan kos penjagaan kesihatan dan insurans swasta.

HARIAN METRO

Tarikh: ...2.6. JUN. 2025....

Jurutera perlu jadi 'juruterrer' penuhi tanggungjawab, pembangunan negara

BH

246

Mohd Fahrul
Izwan Mohd
Supian,
Seksyen
Pengurusan
Tenaga, Jabatan
Pembangunan,
Universiti
Teknologi MARA
(UiTM) Shah Alam

Dalam dunia kejuruteraan, istilah 'terror' sering digunakan dalam bahasa santai untuk menggambarkan seseorang yang hebat dalam bidangnya. Seorang jurutera yang 'terror' dilihat sebagai individu cekap, pantas menyelesaikan masalah dan menjadi tempat rujukan dalam pasukan.

Namun, terdapat juga kelompok jurutera digelar 'juruterror', bukan kerana kehebatan teknikalnya, tetapi kerana sikap menekan dan menakutkan.

Perbezaan antara kedua-dua golongan ini tidak terletak pada kelulusan atau pengalaman, tetapi pendekatan kepimpinan, komunikasi dan hubungan sesama rakan sekerja.

'Juruterror' menjadi aset organisasi, manakala 'juruterror' boleh menjadi punca kemerosotan prestasi dan keharmonian tempat kerja.

Seorang 'juruterror' biasanya mempunyai kombinasi pengetahuan teknikal kukuh, kematangan emosi dan sikap kepimpinan positif. Mereka bukan sahaja menyelesaikan masalah, bahkan membantu orang lain memahami dan belajar.

Mereka terbuka menerima pendapat, menghormati rakan sekerja dan suka berkongsi ilmu dengan staf muda. Dalam organisasi, 'juruterror' sering menjadi mentor, pembimbing dan penggerak kepada inovasi.

Sebaliknya, 'juruterror' mempunyai pendekatan bercanggah. Mereka mungkin hebat dari sudut teknikal, tetapi gagal membina hubungan kerja

sihat. Sering, mereka menggunakan nada suara tinggi, mudah menyalahkan staf, enggan menerima cadangan dan mencipta suasana kerja toksik.

Malah, ada melihat staf bawahan sebagai pesaing, bukan pelapis. Mereka menyembunyikan maklumat atau ilmu bagi mengekalkan kuasa, bukannya membina pasukan.

Kesan kehadiran 'juruterror' tidak boleh dipandang ringan. Kajian Gallup pada 2022 mendedahkan 70 peratus pekerja berhenti kerja bukan kerana gaji atau bebanan tugas, tetapi sikap ketua toksik.

Jejas kemajuan, prestasi kerja merudum

Dalam konteks kejuruteraan, kehilangan staf mahir bukan sahaja melambatkan projek, malah menjejaskan kesinambungan organisasi. Lebih membimbangkan, jurutera muda berpotensi tinggi sering menjadi mangsa utama budaya kerja seperti ini.

Sebaliknya, organisasi mempunyai lebih ramai 'juruterror' cenderung menunjukkan prestasi kerja lebih mantap. Suasana kerja positif membolehkan pasukan lebih kreatif, inovatif dan berdaya tahan.

Jurutera seperti ini bukan sahaja membina struktur dan sistem, bahkan membina keyakinan, motivasi dan semangat setia dalam kalangan rakan sekerja.

Dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan ca-

baran teknologi tenaga lestari, jurutera perlu berfungsi bukan sahaja sebagai pakar teknikal, malah sebagai pemimpin menyelaras pasukan pelbagai latar belakang.

Laporan Forum Ekonomi Dunia pada 2023 menyenaraikan kemahiran seperti kecerdasan emosi, empati dan keupayaan komunikasi sebagai antara 10 kemahiran paling penting dalam profesion masa depan dan termasuk dalam bidang teknikal seperti kejuruteraan.

Justeru, sudah tiba masanya setiap jurutera menilai semula pendekatan kerja masing-masing. Adakah kita membina suasana kerja sihat dan menyokong atau secara tidak sedar, kita menjadi punca tekanan dan penghalang perkembangan staf lain?

Organisasi juga memainkan peranan penting. Penilaian prestasi perlu mengambil kira aspek sikap, kepimpinan dan sumbangan terhadap budaya kerja, bukan semata-mata pencapaian teknikal.

Latihan kepimpinan dan komunikasi harus ditawarkan secara berterusan, terutama kepada jurutera kanan memegang jawatan penyeliaan. Organisasi juga perlu menyediakan saluran aduan selamat dan adil bagi staf terkesan dengan budaya kerja toksik.

Profesion jurutera bukan sekadar soal menyelesaikan kerja lapangan atau menandatangani lukisan teknikal. Ia membabitkan tanggungjawab sosial, keselamatan dan pembangunan negara.

BERITA HARIAN
26 JUN 2025
Tarikh.....

PLKN 3.0 corak generasi muda berjiwa patriotik

Inisiatif hadapi cabaran sosial serta geopolitik yang semakin kompleks

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 bukan lagi sekadar latihan fizikal dan disiplin semata-mata, sebaliknya merupakan inisiatif strategik dalam membina jati diri serta memperkasakan generasi muda negara dengan semangat patriotisme dan perpaduan sejati.

Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Mejar Jeneral Datuk Ya'cob Samiran, berkata PLKN versi baharu itu digariskan sebagai mekanisme utama dalam mendepani cabaran sosial serta geopolitik yang kian kompleks.

"Melalui PLKN 3.0, golongan muda bukan hanya dilatih dengan ilmu ketenteraan asas, malah lebih penting, mereka dididik dengan nilai cinta negara, perpaduan dan kesukarelawan; tiga teras utama kepada kestabilan dan kekuatan sesebuah negara."

"Fokus utama JLKN bersama Kementerian Pertahanan (MIN-

DEF) kini adalah memperjelaskan kepada ibu bapa serta masyarakat umum mengenai kepentingan program berkenaan dalam konteks keselamatan dan pertahanan negara, selain usaha membentuk generasi berjiwa kenegaraan," katanya kepada BH.

Beliau berkata, pembabitkan ibu bapa amat penting dan apabila mereka memahami matlamat program berkenaan, anak mereka bukan sahaja lebih berdisiplin, tetapi turut dilengkapi dengan semangat keprihatinan sosial.

Ini membolehkan sokongan terhadap PLKN 3.0 akan terus kukuh.

"Pelaksanaan PLKN 3.0 dirancang dalam empat fasa utama yang bertujuan melahirkan generasi muda berjiwa patriotik, berdisiplin dan bersedia menyumbang kepada negara."

"Fasa pertama dikenali sebagai Fasa Pengenalan (PraPLKN) yang dilaksanakan kepada murid Tingkatan 4 sebagai pendedahan awal dan persiapan mental terhadap konsep latihan khidmat negara yang bakal mereka jalani selepas tamat persekolahan," katanya.

Jelasnya, fasa seterusnya diikuti Fasa Latihan Asas iaitu pelatih akan mengikuti latihan ketenteraan asas dan modul kenegaraan secara intensif.

"Mereka yang menamatkan fasa berkenaan akan diberikan pengiktirafan sebagai Anggota

Khidmat Negara (AKN).

"Dalam Fasa Latihan Khusus, anggota AKN akan menjalani latihan lanjutan bersama agensi kerajaan berkaitan, bagi membolehkan mereka bersedia melaksanakan peranan sebagai sukarelawan dalam pelbagai bidang termasuk kebajikan, pengurusan bencana dan kemasyarakatan," katanya.

Fasa terakhir katanya, Fasa Khidmat Negara dan ia akan membabitkan anggota AKN menyumbang tenaga dan kepakaran secara langsung dalam situasi atau keperluan khas negara yang memerlukan khidmat mereka.

"Fasa itu dikendalikan sepenuhnya oleh JLKN dan berfungsi sebagai platform menyatukan khidmat sukarelawan belia di bawah satu sistem penyelarasan yang tersusun dan berkesan."

"Walaupun program itu diperuntukkan kepada belia berumur 17 hingga 35 tahun, pelaksanaan awalnya akan membabitkan hanya daftar kelahiran tahun 2007, iaitu dalam lingkungan umur 18 hingga 19 tahun," katanya.

Latihan lebih tersusun

Ya'cob berkata, PLKN 3.0 membawakan komposisi latihan yang lebih tersusun dengan 30 peratus modul kenegaraan dan 70 peratus latihan ketenteraan.

"Modul kenegaraan memberi penekanan kepada pemahaman



Ya'cob ketika ditemui di pejabatnya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

(Foto Saifulizan Tamadi/BH)

sejarah, sistem pemerintahan, dasar keselamatan dan kepentingan perpaduan dalam masyarakat majmuk, seterusnya memupuk kesedaran sivik dan tanggungjawab sebagai warganegara.

"Sementara itu, latihan ketenteraan yang meliputi kawad, asas pertahanan diri, disiplin ketenteraan serta latihan fizikal dan keupayaan pula membentuk daya tahan mental dan fizikal peserta."

"Gabungan kedua-dua elemen itu menjadikan PLKN 3.0 satu platform bersepadu untuk melahirkan generasi muda yang bersedia dari segi fizikal, mental dan emosi bagi menghadapi cabaran masa depan," katanya.

Menurut Ya'cob, PLKN 3.0 turut dirancang berdasarkan kesedaran, belia adalah ejen peru-

bahan dan aset utama negara.

"Masa depan belia adalah cerminan masa depan negara. Maka penting untuk kita membentuk jati diri mereka sejak peringkat awal agar mereka mampu berdaya saing dan menyumbang secara aktif kepada pembangunan negara."

"Dengan kerjasama semua pihak termasuk ibu bapa, sekolah, agensi kerajaan serta masyarakat umum, pelaksanaan PLKN 3.0 mampu melahirkan generasi muda yang mempunyai semangat kenegaraan kental serta bersedia berbakti demi Malaysia," katanya.

Katanya, matlamat utama JLKN adalah untuk membentuk generasi muda yang patriotik, berdisiplin dan bersatu, demi masa depan negara lebih gemilang.



Pelatih PLKN menjalani latihan menembak di Lapang Sasar MAWILLA 1 TLDM Tanjung Gelang, Balok, Kuantan.

(Foto Muhammad Delima Atan/BH)



Pelatih hadir pada sesi pendaftaran pelatih (Wanita) PLKN 3.0 di Kem Regimen 515 Askar Wataniah, Kuala Lumpur.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

Analisis ikut lokaliti mampu tambah baik sistem pendidikan

Maklumat bandingkan pencapaian pelajar bandar, luar bandar perlu dibuat

Oleh Ercy Gracella Ajos
ercy.gracella@bh.com.my

Kuala Lumpur: Masih tiada maklumat perbandingan terperinci mengenai keputusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2024 antara pencapaian pelajar sekolah luar bandar dan bandar.

Justeru, pakar pendidikan berpandangan jika analisis lanjut dapat dijalankan berdasarkan lokaliti, penambahbaikan sistem pendidikan boleh dilaksanakan secara lebih bersasar dan berstrategik.

Pengarah Pembangunan Akademik, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Madya Dr Suriyani Ariffin, berkata analisis lanjut itu penting untuk memastikan setiap pelajar tanpa mengira lokasi, mendapat sokongan dan intervensi yang sesuai agar jurang pencapaian dapat dikurangkan secara berkesan.

"Inisiatif kerajaan yang menekankan kesamarataan pendidikan banyak membantu, namun analisis data lebih mendalam meningkatkan lagi kepayaan kita untuk menambah baik sistem pendidikan negara.

Prestasi terbaik dalam sejarah

PRUK nasional
oleh 2.85,
1,266 calon
mendapat 4.00

Keratan akhbar BH, semalam.

"Kejayaan ini memperlihatkan keberkesanan dasar kerajaan yang menekankan kesamarataan peluang pendidikan tanpa mengira jurang pendapatan keluarga.

"Pelbagai bantuan dan sokongan telah diberikan kepada semua pelajar, terutama kepada yang kurang berkemampuan.

"Namun, setakat ini tiada

maklumat perbandingan terperinci antara pencapaian pelajar sekolah luar bandar dan bandar," katanya kepada BH, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas keputusan STPM 2024 yang mencatatkan peningkatan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) dengan catatan 0.01 mata kepada 2.85, berbanding 2.84 tahun lalu, sekali gus merekodkan pencapaian tertinggi sejak peperiksaan STPM dilaksanakan.

Prestasi keseluruhan turut memberangsangkan dengan 1,266 calon atau 3.06 peratus mendapat PNGK 4.00 berbanding 1,116 calon pada 2023.

Mengulas lanjut, Suriyani berkata, jika analisa berdasarkan lokaliti dan status sosio-

ekonomi dapat dilakukan, ia membolehkan penambahbaikan dilakukan secara lebih bersasar dan berstrategik.

"Ini penting agar intervensi dan inisiatif pendidikan yang diperkenalkan benar-benar memberi impak kepada semua lapisan masyarakat dan dapat mengurangkan ketidaksamarataan dalam sistem pendidikan negara," katanya.

Inisiatif kerajaan

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Mursyid Arshad, berkata pencapaian positif keputusan berkenaan mencerminkan keberkesanan pelbagai inisiatif kerajaan dan pihak berkepentingan dalam menyokong pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah.

"Ia termasuk bantuan kewangan seperti biasiswa, program intervensi akademik, tuisyen serta bimbingan berfokus.

"Usaha ini dilengkapkan dengan peningkatan kesedaran ibu bapa dan komuniti terhadap pentingnya pendidikan sebagai jalan utama untuk mobiliti sosial, selaras dengan agenda kerajaan memperkasa rakyat melalui pendidikan yang lebih inklusif.

"Sebenarnya, sistem pendidikan negara berpotensi besar untuk setara dengan negara maju kerana aspek seperti kualiti pedagogi, pemikiran kritikal dan daya saing global.

"Namun, ia memerlukan penambahbaikan berterusan agar pelajar kita mampu bersaing dalam menyelesaikan cabaran kompleks pada masa kini," katanya.

Kejayaan ini memperlihatkan keberkesanan dasar kerajaan yang menekankan kesamarataan peluang pendidikan tanpa mengira jurang pendapatan keluarga

Suriyani Ariffin,
Pengarah
Pembangunan
Akademik,
Pejabat Timbalan
Naib Canselor
(Akademik dan
Antarabangsa),
UiTM

Sistem pendidikan negara berpotensi besar untuk setara dengan negara maju kerana aspek seperti kualiti pedagogi, pemikiran kritikal dan daya saing global

Mohd Mursyid
Arshad,
Pensyarah
Fakulti
Pengajian
Pendidikan,
UPM



Prestasi keseluruhan STPM 2024 memberangsangkan dengan 1,266 calon mendapat PNGK 4.00.

(Foto hiasan)

Letupan paip gas di Putra Heights

Kerja baik pulih giat dijalankan

Kediaman terjejas sekitar Kampung Kuala Sungai Baru dirobohkan bagi pembinaan semula

Oleh Ercy Gracella Ajos
ercy.gracella@bh.com.my

Puchong: Selepas hampir tiga bulan, kawasan sekitar Putra Heights yang terjejas teruk akibat insiden letupan saluran paip gas yang menggemparkan negara, mula menampakkan perubahan dengan kerja pembaikan dan pembinaan semula giat dijalankan.

Kejadian pada 1 April lalu dilaporkan mencederakan 150 orang dan menjejaskan kira-kira 49 rumah, dengan bahang panas daripada api marak mencairkan kereta, motosikal, paip plastik, tangki air dan kamera litar tertutup (CCTV).

Susulan insiden itu, kawasan perumahan dan kampung berdekatan dilingkari sekatan ketat serta kawalan keselamatan rapi, namun suasana kini kembali tenang dan penduduk tidak lagi perlu melalui sekatan jalan, manakala laluan utama yang pernah sesak sudah kembali lancar.

Sejak Mei lalu, aktiviti jentera berat dilihat aktif di sekitar lokasi kejadian dengan kerja penggantian paip gas terjejas sudah berjalan dan masa kerja dilaporkan sehingga selepas jam 10 malam.

Tinjauan BH mendapati kesan tragedi masih kelihatan jelas, termasuk pokok yang hangus dan kawasan perumahan yang musnah, termasuk kediaman terjejas sekitar Kampung Kuala Sungai Baru yang sudah dirobohkan bagi memberi laluan pembinaan semula.

Sebahagian penduduk kampung berkenaan sudah kembali menetap di rumah mereka untuk kerja baik pulih, walaupun ahli keluarga terpaksa menyewa kediaman lain menunggu penuh harapan proses pemulihan selesai sepenuhnya.

Penduduk Kampung Kuala Sungai Baru, Sharifah Mustafa, 59, ketika ditemui, memberitahu majoriti rumah di penempatan berkenaan yang terjejas dengan

insiden belum mula dibina, namun rata-rata sudah dirobohkan dan hanya tinggal tapak.

"Difahamkan proses untuk bina semula rumah bergantung kelulusan kerajaan dan kontraktor," katanya yang bersyukur kerja membina semula rumahnya sudah pun dimulakan minggu lalu, sekali gus memberi harapan baharu kepada keluarganya selepas melalui detik sukar.

"Pertengahan bulan lalu, kami hadir taklimat diberikan pihak berwajib dan sekarang rumah saya menjadi yang pertama diluluskan kerajaan untuk dibina semula. Alhamdulillah, saya rasa lega dan gembira pembinaan semula rumah saya berjalan dengan lancar.

"Difahamkan ada 10 rumah di kampung ini akan terabit dalam pembinaan semula, termasuk rumah saya," tambahnya.

April lalu, media melaporkan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) akan membina semula 81 kediaman yang musnah sepenuhnya dalam insiden berkenaan dengan kos dibiayai kerajaan. Daripada jumlah itu, 48 unit kediaman di Taman Putra Harmoni, 33 lagi di Kampung Kuala Sungai Baru.

Sedia peruntukan RM40 juta

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Ng Kor Ming pula dilaporkan berkata, RM40 juta diperuntukkan melalui Tabung Amanah Bencana Perumahan Negara bagi membantu kerja pembaikan dan pembinaan semula rumah mangsa melalui tiga kategori bantuan berdasarkan tahap kerosakan.

Sebanyak 219 unit rumah terjejas dan daripada jumlah itu, 48 unit di Taman Putra Harmoni dan 33 di Kampung Kuala Sungai Baru mengalami kerosakan lebih 40 peratus, 138 unit rosak kurang 40 peratus dan selebihnya kerosakan minimum dengan bantuan antara RM30,000 hingga RM300,000 setiap unit.

Tambah Kor Ming, Sime Darby Property selaku pemaju utama di Taman Putra Harmoni akan membantu pembinaan semula rumah mangsa, manakala kerja baik pulih oleh SPNB, khususnya di Kampung Kuala Sungai Baru.

Sementara itu, penduduk di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, yang mahu dikenali Mohamad melaksanakan sendiri kerja baik pulih kediamannya

Kontraktor menjalankan kerja membaiki pulih kediaman mangsa yang terjejas.
(Foto Hazreen Mohamad/BH)



yang kini sudah siap 70 peratus.

"Meskipun tidak begitu terkesan teruk akibat kebakaran, kos baik pulih mencecah RM50,000 juga. Antara bahagian rumah yang terjejas adalah atap, tangki air, cermin, siling dan beberapa komponen lain.

"Kos paling tinggi membabit-

kan baik pulih atap," katanya memaklumkan rata-rata penduduk di taman perumahan itu memilih kekal menetap di kawasan berkenaan, walaupun ada cakap-cakap lokasi itu tidak selamat untuk didiami.

"Berhubung insiden lalu, ia sesuatu yang tidak dijangka dan

pada pandangan saya, tiada apa yang perlu dirisaukan. Kawasan ini strategik dan sekitarnya ada banyak kemudahan awam yang memudahkan kita.

"Saya dan rata-rata jiran di sini tetap tinggal di kawasan ini sebab kediaman milik sendiri, bukan rumah sewa," katanya.

Malaysia, Kyrgyz meterai 10 dokumen kerjasama strategik

Usaha perluas
peluang teroka
pelaburan,
tukar kepakaran
antara 2 negara

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia dan Kyrgyz memperkukuhkan hubungan dua hala dalam bidang pelancongan, pendidikan tinggi, kesihatan, transformasi digital, keselamatan siber serta kerjasama dalam perdagangan dan pembuangan eksport.

Kedua-dua negara memeterai 10 dokumen kerjasama termasuk memorandum persefahaman (MoU) merangkumi bidang itu sempena lawatan Presiden Kyrgyzstan, Sadyr Zhaparov ke Malaysia semalam.

Semua MoU berkenaan dimeterai dalam satu majlis rasmi dan disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama Zhaparov.

Kerjasama menyeluruh ini dijangka membuka ruang lebih luas kepada peluang pelaburan, pertukaran kepakaran serta peningkatan perdagangan dua hala sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai rakan strategik utama di rantau Asia Tengah.

Pada sidang media bersama Zhaparov di Kompleks Seri Perdana, Anwar berkata, Malaysia bersedia menawarkan kepakarannya dalam sektor perbankan



Anwar bersama Zhaparov melawat kediaman tradisional Kyrgyz Boz Uu yang dipamerkan di Kompleks Perbadanan Putrajaya, semalam. Turut hadir, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (tiga dari kiri); Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Fadlun Mok Ujud (dua dari kiri).

(Foto BERNAMA)

Islam dan industri halal kepada Kyrgyz bagi membantu membangunkan kemudahan serta perkhidmatan yang lebih menyeluruh.

Beliau berkata, perbincangan dengan Zhaparov, mereka turut menjurus kepada penubuhan bank Islam bagi mewujudkan sistem kewangan yang lebih baik.

"Sudah tentu kita bincangkan soal perbankan Islam, halal, pembinaan, kewangan dan program termasuk cadangan penubuhan bank Islam.

"Akan ada mesyuarat susulan antara menteri kita. Anda (Zha-

parov) membawa menteri utama ke Malaysia dan rakan menteri saya akan memberi maklum balas," katanya.

Kukuh perkongsian pintar

Anwar berkata, kerjasama strategik itu penting bukan sahaja bagi memperkukuh persefahaman dan persahabatan, malah memastikan program dan projek dua hala dalam bidang perdagangan serta pelaburan dapat diteruskan.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Kyrgyz turut bersetuju untuk me-

neroka Pelan Tindakan Kerjasama Halal yang dicadangkan oleh Zhaparov.

"Perkara ini akan diteroka dengan lebih mendalam dan sudah tentu anda (Kyrgyz) mempunyai keupayaan besar dalam tenaga hidro, tenaga hijau serta tenaga boleh diperbaharui yang sangat menarik minat Malaysia untuk difahami, dikaji dan dimanfaatkan," katanya.

Selain itu, beliau memaklumkan Malaysia dan Kyrgyz bersetuju untuk mempertingkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan dan penyelidikan dengan pene-

kanan kepada usaha memperkukuh hubungan antara rakyat serta memperluas potensi sosial dan ekonomi kedua-dua negara.

Sehubungan itu, Anwar berkata, Malaysia akan menyalurkan bantuan teknikal dan pendidikan kepada rakyat Kyrgyz melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

"Institusi kami sudah tentu bersedia untuk membantu mengenal pasti individu yang boleh dilatih dan kami amat menghargai sekiranya dapat melaksanakan program pertukaran bersama anda," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh... 26 JUN 2025

Pengerusi NGO terlibat pengubahan wang haram ditahan

UM
24/6

PUTRAJAYA: Seorang pengerusi sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bergelar 'ustaz' ditahan lagi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana terlibat dengan pengubahan wang haram pula.

Kesalahan itu berkaitan menerima, memindah dan menggunakan hasil rasuah melalui akaun peribadi dan syarikat miliknya, saudara serta sekutunya.

Majistret, Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan suspek direman selama empat hari sehingga 28 Jun ini selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret, Putrajaya, semalam.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia lingkungan 30-an itu ditahan sekitar pukul 2.30 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM.

"Suspek dipercayai melakukan perbuatan tersebut antara tahun 2015 hingga 2025," katanya semalam.

Ustaz itu sebelum ini pernah ditahan reman bagi kes yang disiasat di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

"Ia berkaitan kes salah guna



Suspek lelaki berusia lingkungan 30-an itu ditahan sekitar pukul 2.30 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM."

kuasa dengan penyelewengan dana milik NGO di tempat suspek bekerja," katanya.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML), Norhaizam Muhammad ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA/PPUAA 2001).

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 26 JUN 2025

Gagal lapor rasuah, Ketua Pegawai Operasi ProLintas didenda RM100,000

Oleh AIDIEL ZABIDI

asyraaf.zabidi@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Ketua Pegawai Operasi (Operasi dan Projek) ProLintas, Rostam Shahrif Tami didenda RM100,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan iaitu gagal melaporkan penerimaan rasuah berjumlah RM90,000 kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), dua tahun lalu.

Hakim Rosli Ahmad menjatuhkan hukuman itu terhadap Rostam Shahrif, 59, selepas menerima pengakuan bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009.

Rostam Shahrif didakwa gagal melaporkan suapan yang diterima daripada Syarikat Satunas Technologies Sdn. Bhd. (STSB) melalui seorang individu bernama Mohd. Rosman Alias di sebuah restoran di Bandar Kinrara, Puchong pada 20 Februari 2023.



ROSTAM Shahrif Tami (tengah) hadir ke Mahkamah Sesyen, Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

Suapan itu merupakan dorongan kepada tertuduh yang ketika itu bertugas sebagai wakil pegawai penyelia untuk menganugerahkan pakej kerja kepada syarikat tersebut bagi

Projek Penswastaaan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKEL).

Tertuduh akan dipenjarakan selama 10 bulan jika gagal membayar denda.

Mahkamah turut memerintahkan wang dan barangan yang disita SPRM berkaitan kes itu dilucuthak kepada kerajaan.

Ia melibatkan wang tunai melebihi RM1 juta, termasuk bon jaminan bernilai RM114,000 untuk tujuh utas jam mewah dan dua buah kereta, selain RM180,000 dalam akaun Tabung Haji milik tertuduh.

Tertuduh sebelum ini turut berdepan dua pertuduhan rasuah yang diambil kira oleh mahkamah mengikut Seksyen 171A Kanun Tatacara Jenayah.

Timbalan Pendakwa Raya, Nor Diana Nor Azwa memohon mahkamah mengenakan hukuman maksimum berbentuk denda dan penjara sebagai pengajaran kepada tertuduh dan masyarakat.

Tertuduh diwakili peguam bela Tan Sri Dzulkifli Ahmad dalam rayuannya memohon mahkamah hanya mengenakan hukuman denda maksimum dan tidak memenjarakan anak guamnya atas alasan ia merupakan kesalahan pertama.

Berdasarkan fakta kes, hasil penerimaan wang rasuah tersebut Rostam Shahrif telah menggunakan dan melupuskan wang tersebut bagi tujuan kegunaan peribadi termasuk pembelian tujuh jam tangan mewah milik tertuduh serta dua buah kenderaan yang didaftarkan atas nama dua anak tertuduh.

Harta-harta alih tersebut telah disita daripada tertuduh oleh SPRM. Tertuduh juga telah membayar bon berjumlah RM114,000 untuk harta-harta alih yang disita tersebut.

Hasil siasatan pihak SPRM, pemandu tertuduh telah menyembunyikan wang rasuah yang diterima Rostam Shahrif daripada kontraktor-kontraktor yang terlibat di dalam projek SUKE termasuk daripada STSB.

Tertuduh turut menerima wang tunai RM180,000 daripada sebuah syarikat lain yang mana wang berkenaan telah dimasukkan ke akaun Tabung Haji milik tertuduh, malah pihak SPRM juga membuat sitaan terhadap mata wang asing.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh:26 JUN 2025.....

Pengarah JKR negeri dituduh rasuah hari ini

26/6

PUTRAJAYA: Seorang pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) sebuah negeri akan dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur hari ini bersabit kes rasuah membabitkan kontrak bernilai ratusan ribu ringgit.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, pengarah berkenaan serta beberapa pegawai disyaki me-

nerima rasuah daripada kontraktor berhubung dengan projek selenggaraan.

"Kes ini telah selesai dijalankan oleh Bahagian Operasi Khas SPRM dan kami jangka esok akan dituduh," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Katanya, mereka akan dituduh mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan membabitkan lima pertuduhan.

Katanya, akaun yang disita

membabitkan kes tersebut adalah sebanyak RM6.13 juta melibatkan 79 akaun individu dan 16 akaun syarikat.

Ahmad Khusairi berkata, pihaknya turut merampas aset termasuk kenderaan dan wang tunai daripada semua suspek.

Sebelum ini akhbar melaporkan dua penjawat awam termasuk berjawatan pengarah dan bergelar Datuk antara enam ditahan SPRM susulan kes rasuah membabitkan kon-

trak bernilai ratusan ribu ringgit.

Lelaki bergelar Datuk itu bersama seorang lagi penjawat awam iaitu jurutera di sebuah jabatan kerajaan di ibu negara adalah suspek utama kes membabitkan tawaran kerja kontrak pembangunan dan senggaraan sejak 2021.

Siasatan awal mendapati kedua-dua suspek utama menerima kira-kira RM115,000 daripada orang tengah dalam

bentuk wang tunai, pembiayaan ubah suai rumah dan pemberian telefon bimbit.

Menerusi Op Kepala dijalankan Bahagian Operasi Khas SPRM di 10 premis sekitar Lembah Klang dan Johor semalam, SPRM menyita dua unit kenderaan jenis Toyota Hilux, wang tunai kira-kira RM165,000 selain membekukan 95 akaun perbankan terdiri akaun individu dan syarikat membabitkan jumlah kira-kira RM6 juta.

UTUSAN MALAYSIA

26 JUN 2025

Tarikh:

Lori sampah ada 22,017 saman, bas ekspres 5,362 saman

Oleh KAMARIAH KHALIDI
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia semalam mengumumkan senarai 28 buah syarikat pengendali kenderaan barangan dan bas ekspres yang mencatatkan jumlah saman tertinggi atas pelbagai kesalahan.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, MOT dan JPJ mengenal pasti sebanyak 11 syarikat pengendali kenderaan barangan yang mempunyai lebih 1,000 saman tertunggak dan 17 syarikat pengendali bas ekspres yang mempunyai lebih 200 saman.

Jelasnya, saman tertunggak itu merangkumi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334) dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715).

"Pengumuman ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan MOT dan JPJ bagi meningkatkan tahap pematuhan undang-undang jalan raya serta langkah untuk menjamin keselamatan pengguna jalan raya," katanya pada sidang akhbar semalam.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh MOT, syarikat pengendali kenderaan barangan, KDEB Waste Management Sdn. Bhd. mencatatkan saman aktif tertinggi berjumlah 22,017 diikuti Mainiza Mantap Sdn. Bhd. (5,108); Advancecon Machinery Sdn. Bhd. (3,620); VK Transport Sdn. Bhd. (3,016) dan Ng Sweet Aik Trading Sdn. Bhd. (2,352).

Selain itu, syarikat pengendali lain termasuk Boon Chin Transport Sdn. Bhd. (2,339); Nation Dimensions Sdn. Bhd. (2,226); Syarikat Ehsan Enter-



ANTHONY Loke Siew Fook ketika sidang akhbar pengumuman senarai syarikat yang mencatatkan jumlah saman tertinggi di Kementerian Pengangkutan Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

prise Sdn. Bhd. (2,168); Nek Gurun Logistics Sdn. Bhd. (1,062); Macro Dimension Concrete Sdn. Bhd. (1,014) dan SL Transport & Trading Sdn. Bhd. (1,006).

Manakala, bagi syarikat pengendali bas ekspres, Cepat Ekspres Sdn. Bhd. merupakan syarikat yang merekodkan saman aktif tertinggi berjumlah 540 saman.

Antara syarikat bas ekspres lain termasuk New Hoover Express & Travel Sdn Bhd (512); Kuala Lumpur-Alor Star Express Sdn. Bhd. (477); Express Senibudaya (M) Sdn. Bhd. (390); Suasana Edaran Sdn. Bhd. (370); Kurnia Bistari Sdn. Bhd. (351) dan Bandar Express Services Sdn. Bhd. (300).

Ia termasuk, Zenwan (M) Sdn Bhd (300); Gunung Raya Ekspres Sdn. Bhd. (288); Konsortium Bas Ekspres Semenanjung

(M) Sdn. Bhd. (272); GJG Travel & Tours Sdn. Bhd. (265); Sri Theven Travel Sdn. Bhd. (232); Dyana Express Sdn. Bhd. (230); Goldstar Express (M) Sdn. Bhd. (218); Plusliner Sdn. Bhd. (208); Kuala Yakin Sdn. Bhd. (206) dan Cosmic Angle Travel and Tours Sdn. Bhd. (203).

Menurut Anthony Loke, antara kesalahan utama yang dikesan membabitkan syarikat pengendali kenderaan barangan adalah kesalahan teknikal yang merangkumi brek, tayar tidak mengikut spesifikasi dan ubah suai kenderaan, termasuk tiada lesen memandu, lebih muatan, tiada lesen kenderaan motor (LKM) atau insurans dan memandu lebih had laju.

Jelasnya, bagi syarikat pengendali bas ekspres pula, JPJ mengenal pasti antara kesalahan utama yang dilakukan adalah memandu lebih had

laju, kesalahan lalu lintas (memandu lorong kanan berterusan, memotong barisan dan menggunakan telefon bimbit), kesalahan teknikal, tiada lesen memandu dan tiada LKM atau insurans.

Beliau menegaskan kesemua syarikat yang terbabit diberi tempoh selama 14 hari dari tarikh pengumuman itu dibuat bagi menyelesaikan semua saman tertunggak di pejabat JPJ negeri dan cawangan.

"Kegagalan pihak syarikat berbuat demikian akan disusuli dengan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas termasuk kenderaan tersebut disenarai hitam secara serta-merta.

"MOT dan JPJ juga ingin mengingatkan kepada semua syarikat pengendali kenderaan untuk menyemak dan menyelesaikan saman tertunggak mereka," ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 26 JUN 2025

Malaysia, Kyrgyz sepakat iktiraf semula Afghanistan

Oleh MAISARAH
SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia dan Kyrgyz menyuarakan sokongan agar Afghanistan diterima semula oleh komuniti antarabangsa dengan beberapa syarat tertentu sebagai langkah penting ke arah kestabilan serantau.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, gesaan itu dibuat berikutan Malaysia menyokong pandangan Presiden Kyrgyz, Sadyr Zhaparov.

"Kami turut menyentuh isu antarabangsa termasuk situasi di Afghanistan. Saya menyokong pandangan Presiden Zhaparov bahawa Afghanistan perlu kembali diterima komuniti antarabangsa dengan syarat-syarat tertentu.

"Saya berkongsi pandangan dalam hal ini kerana sebagai sebuah negara lebih dekat dengan Afghanistan, pastinya Kyrgyz mempunyai pemahaman lebih mendalam dan kami pasti mengambil manfaat daripada nasihat serta pandangan itu," katanya dalam sidang akhbar bersama Zhaparov sempena lawatan Presiden Kyrgyz di Kompleks Seri Perdana di sini semalam.

Ketika ini, tiada negara di dunia secara rasmi mengiktiraf pemerintahan Taliban sebagai kerajaan yang sah bagi Afghanistan selepas kumpulan itu menadbir negara berkenaan sebagai Emiriah Islam Afghanistan sejak 2021.

Sementara itu, Malaysia dan Kyrgyz terus memperkukuh



ANWAR Ibrahim bersama Sadyr Zhaparov sempena lawatan rasmi Presiden Republik Kyrgyz ke Malaysia selama dua hari di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

hubungan dua hala menerusi pemeteraian 10 dokumen kerjasama merangkumi pelbagai bidang strategik sempena lawatan rasmi Presiden republik itu, Sadyr Zhaparov ke Malaysia.

Antara dokumen yang dimeterai adalah Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang pelancongan, pendidikan tinggi, kesihatan, transformasi digital dan keselamatan siber, selain kerjasama dalam perdagangan dan pembangunan eksport.

Pemeteraian kesemua dokumen itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sadyr Zhaparov dalam satu majlis di Kompleks Seri Perdana.

Kerjasama strategik itu dijangka membuka lebih banyak peluang pelaburan, perdag-

angan dan pertukaran kepakaran antara kedua-dua negara, sekaligus mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai rakan ekonomi utama di rantau Asia Tenggara.

Terdahulu, Presiden Kyrgyz itu diberikan sambutan rasmi di Bangunan Perdana Putra di sini pagi ini sempena lawatan rasmi dua hari ke Malaysia.

Ketibaan Zhaparov pada pukul 9 pagi disambut Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan.

Zhaparov kemudiannya memeriksa kawalan kehormatan terdiri daripada tiga pegawai dan 103 anggota Batalion Pertama Rejimen Renjer Diraja diketuai Mejar Nur Ahmad Zaim Zahari.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 26 JUN 2025

10 DEALS SIGNED WITH KYRGYZSTAN

Malaysia ready to offer expertise in Islamic banking, halal industry, says PM

HAKIM MAHARI
PUTRAJAYA
hakimmahari@nst.com.my

MALAYSIA and the Kyrgyz Republic have strengthened bilateral ties with the signing of 10 strategic cooperation documents during Kyrgyz President Sadyr Zhaparov's two-day official visit to Malaysia, which began yesterday.

The agreements, formalised in the presence of Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim and Zhaparov, span a range of sectors, including tourism, higher education, healthcare, digital transformation, cybersecurity, trade and export development.

This comprehensive slate of co-operation is expected to unlock new opportunities for investment, expertise exchange and two-way trade, cementing Kyrgyzstan's role as a strategic partner for Malaysia in Central Asia.

In a joint press conference with Zhaparov at Seri Perdana Complex, Anwar said Malaysia was ready to offer its expertise in Islamic banking and the halal industry to Kyrgyzstan to help develop more comprehensive facilities and services.

Anwar, who is also finance minister, said his discussions with the Kyrgyz president focused on establishing an Islamic bank to strengthen the financial system.

"We discussed Islamic banking, halal matters, construction, finance and related programmes,



Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim and Kyrgyz Republic President Sadyr Zhaparov (third from right) visiting the traditional Kyrgyz yurt, Boz Ui, on display at the Putrajaya Corporation Complex yesterday. With them are Putrajaya Corporation president Datuk Fadlun Mak Zaliha Mustafa (second from left), Works Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (third from left) and Federal Territories Minister Datuk Seri Dr

including the proposal to establish an Islamic bank. There will be follow-up meetings between our ministers.

"You (Zhaparov) have brought key ministers to Malaysia and my ministers will respond accordingly."

Anwar said the strategic cooperation was essential not only to strengthen understanding and friendship, but also to ensure bilateral trade, investment programmes and projects continue to progress.

He said Malaysia and Kyrgyzstan had agreed to explore the Halal Cooperation Action Plan proposed by Zhaparov.

"This matter will be explored more thoroughly. Undoubtedly, Kyrgyzstan has strong capabilities in hydropower, green energy, and renewable energy, areas in which Malaysia is very interested to understand, study and benefit from."

He said Malaysia and Kyrgyzstan had agreed to enhance cooperation in education and research, with a focus on strengthening people-to-people ties and expanding the social and economic potential of both countries.

As part of this effort, Anwar said, Malaysia would provide technical and educational assistance to Kyrgyzstan through the

Malaysian Technical Cooperation Programme.

"Our institutions are ready to assist in identifying individuals for training and we would greatly appreciate the opportunity to implement an exchange programme with your country."

Zhaparov was accorded an official welcoming ceremony at the Perdana Putra Complex.

Anwar received Zhaparov upon his arrival at 9am, with the national anthems of both countries played as a mark of respect.

Zhaparov inspected a guard of honour mounted by three officers and 103 personnel from the First Battalion of the Royal Ranger

Regiment, led by Major Nur Ahmad Zaim Zahari.

Present were Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Communications Minister Datuk Fahmi Fadzil, Cabinet members, diplomats and senior government officials.

This is Zhaparov's maiden visit to Malaysia since assuming office in January 2021, reciprocating Anwar's official visit to the Kyrgyz Republic in May last year.

Malaysia and the Kyrgyz Republic established diplomatic relations on May 21, 1992, following Kyrgyzstan's independence after the dissolution of the Soviet Union in 1991.

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 26 JUN 2025

Malaysia, Kyrgyz Republic **expand** bilateral cooperation

SUN
24/6

➤ Agreements signed on tourism, health, higher education, digital transformation and cybersecurity

PUTRAJAYA: Malaysia and the Kyrgyz Republic have taken a significant step forward in strengthening bilateral relations through the signing of a series of MoUs and exchange of notes (EoN) in conjunction with the two-day official visit of President Sadyr Zhaparov to the country.

The agreements reflect growing cooperation between both nations in areas such as tourism, health, higher education, digital transformation and cybersecurity.

The signing ceremony was held at Seri Perdana yesterday and was witnessed by Zhaparov and Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Three MoUs on tourism, digital transformation and cybersecurity as well as trade were exchanged by Foreign Minister Datuk Seri Mohamad Hasan and Kyrgyz Republic Economy and Commerce Minister

Bakyt Sydykov and Minister of Digital Development and Innovative Technologies Azamat Jamangulov.

Mohamad also exchanged two EoNs in the field of training of diplomats and youth, and one letter of intent for a treaty on mutual legal assistance in criminal matters with his counterpart Zheenbek Kulubaev and Kyrgyz Republic Culture, Information and Youth Policy Minister Mirbek Mambetaliev.

Higher Education Minister Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir exchanged an MoU in the field of higher education with Kyrgyz Republic Science, Higher Education and Innovation Minister Baktyyar Orozov, while Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad and his counterpart Erkin Checheibaev exchanged an MoU on health.

Two additional MoUs were exchanged between Kyrgyz Republic National Institute for

Strategic Initiatives and the Institute of Strategic and International Studies Malaysia, and between the National Chamber of Commerce and Industry of Malaysia and the Kyrgyz Republic Chamber of Commerce and Industry, Berrama reported.

The visit marks Zhaparov's maiden official trip to Malaysia since assuming office in January 2021, and reciprocates Anwar's official visit to the Kyrgyz Republic in May last year.

The Kyrgyz Republic was Malaysia's fourth-largest trading partner among Central Asian countries in 2024, with total bilateral trade valued at RM40 million.

Malaysia's main exports to the Kyrgyz Republic included electrical and electronic products, palm oil and palm oil-based agricultural products, machinery, equipment and parts. Its key imports from the Kyrgyz Republic comprised chemicals and chemical products, electrical and electronic products and processed food.

Malaysia and the Kyrgyz Republic established diplomatic relations on May 21, 1992, following Kyrgyzstan's independence after the dissolution of the Soviet Union in 1991.



WORKING VISIT ... Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof being received by Malaysia's Ambassador to Russia Datuk Cheong Loon Lai on arrival in Moscow yesterday. — **BERNAMA PIC**

THE SUN
26 JUN 2025
Tarikh:

Local councils urged to fast-track projects

PUTRAJAYA: Housing and Local Government Minister Nga Kor Ming has urged all 156 local authorities nationwide to expedite the delivery of public development projects, in line with national goals to enhance economic competitiveness and the ease of doing business.

Speaking during a high-level meeting with representatives from local councils across the country, Nga stressed the urgency of accelerating approvals and implementation timelines.

"The Madani government is committed to driving economic growth.

"We must ensure a public service delivery system that is efficient, especially in project approvals and execution, to improve quality of life and foster an investor-friendly environment."

Nga noted Malaysia's recent rise in the World Competitiveness Ranking, climbing 11 spots to 23rd globally as a signal that the country is on the right path.

"Malaysia is now among the fastest-growing nations. The momentum must not be squandered.

"All local authorities must move quickly because time is of the essence."

He said the ministry has set clear timeframes for development project approvals, depending on project scale.

For small-scale projects, they must be approved within 14 days, medium-scale 60 days and large-scale projects, including those requiring open tenders, 120 days.

Nga said the structure is designed to ensure a consistent and streamlined process that aligns with the urgency of national development goals.

Additionally, the ministry is implementing a performance monitoring system based on a "traffic light" evaluation model to guide future funding decisions.

The system evaluates local authorities on procurement efficiency and compliance, project execution and adherence to technical and scheduling standards and timeliness in submitting complete financial claims for fund disbursement through EFT (electronic fund transfer) systems.

Local authorities rated "green" for excellent performance will see continued or increased funding.

"Yellow" ratings indicate moderate performance and will trigger a review of allocations, while "red" signal weak performance and may result in reduced or revoked funding.

THE SUN
26 JUN 2025

Tarikh:

Final warning for errant commercial vehicle operators

BY KIRTINEE RAMESH
newsdesk@thesundaily.com

24/6

► Transport minister raps freight and express bus companies over repeated violations, demands settlement of summonses within 14 days or face blacklisting

PUTRAJAYA: Transport Minister Anthony Loke has announced that 11 freight transport companies were found to have over 1,000 unpaid summonses, while 17 express bus operators had more than 200 outstanding summonses each. One of the companies alone recorded over 22,000 summonses.

The offences fall under the Road Transport Act 1987 (Act 333), Commercial Vehicles Licensing Board Act 1987 (Act 334) and the Land Public Transport Act 2010 (Act 715).

"This is not a naming-and-shaming exercise but a necessary step to urge operators to take responsibility for their actions and prioritise safety."

Loke said the companies were flagged for repeated violations in five key areas. For freight

transport operators, common offences include technical faults such as non-compliant brakes or tyres and unauthorised vehicle modifications, driving without a valid licence, overloading, failure to renew road tax or insurance and speeding.

Express bus operators were found guilty of speeding, frequent traffic violations such as improper lane usage or mobile phone use while driving, technical faults, driving without a licence and lack of proper insurance or road tax.

"All listed companies have been

given 14 days from the date of the announcement to settle their outstanding summonses at any Road Transport Department (RTD) state or branch office.

"Failure to do so will result in immediate enforcement action, including blacklisting of the vehicles involved."

Loke also addressed recent widespread incidents involving reckless drivers, including cases where individuals were seen making obscene gestures on the road.

"If you witness such behaviour,

record a video clearly showing the company name, vehicle number plate, location, date and time.

"This will help us take swift and firm action. That's our promise."

Loke emphasised that improved technology and stricter enforcement can only be effective when paired with a shift in mindset.

"We need to foster a safety-first mindset across the transport industry."

"Naming the companies is just the first step in a broader campaign. Only a small number of companies are involved, but they represent the most serious cases. This is their final warning."

The enforcement initiative is a collaborative effort between RTD, the Land Public Transport Agency and Transport Ministry, spurred by the rising number of road crashes and public concern about road safety.

"This is about prevention. We want operators to take responsibility now, not after a tragedy. This is the lesson and the reminder," Loke stressed.

Among the freight operators with the highest number of active summonses are KDEB Waste Management Sdn Bhd (22,017), Mainiza Mantap Sdn Bhd (5,108) and Advancecon Machinery Sdn Bhd (3,620).

Others on the list are VK Transport Sdn Bhd (3,016), NG Swee Aik Trading Sdn Bhd (2,352), Boon Chin Transport Sdn Bhd (2,339), Nation Dimensions Sdn Bhd (2,226), Syarikat Ehsan Enterprise Sdn Bhd (2,168), Nek Gurun Logistics Sdn Bhd (1,062), Macro Dimension Concrete Sdn Bhd (1,014) and SL Transport & Trading Sdn Bhd (1,006).

For express bus operators, the top offenders include Cepat Ekspres Sdn Bhd (540), New Hoover Express & Travels Sdn Bhd (512) and Kuala Lumpur-Alor Star Express Sdn Bhd (477).

"We'll take more strict action to ensure greater accountability on the roads. Safety must always come first. It is our top priority for all road users and drivers," said Loke.



Loke showing a list of freight and express bus operators with the highest number of summonses for various offences.
- AMIRUL SYAFIQ/THESUN

THE SUN
26 JUN 2025
Tarikh: